

## Penjawat awam perlu tanggung sendiri kos saringan

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - September 6, 2021 @ 5:35pm  
yusri.muzamir@bh.com.my



Penjawat awam yang enggan divaksin tanpa alasan kesihatan perlu menjalani ujian saringan berkala atas tanggungan sendiri. - Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Penjawat awam yang enggan divaksin tanpa alasan kesihatan perlu menjalani ujian saringan berkala atas tanggungan sendiri.

Beberapa pihak berpendapat, kerajaan tidak perlu dibebankan dengan perbelanjaan tambahan bagi membayai kos saringan penjawat awam berkenaan berikutan sudah menyediakan vaksin secara percuma kepada rakyat.

Mereka beranggapan, pendirian segelintir penjawat awam terabit boleh menjaskannya usaha negara untuk beralih ke fasa endemik COVID-19 dan membahayakan kesihatan orang ramai secara keseluruhannya.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat, berkata kerajaan tidak wajar dibebankan dengan perbelanjaan tambahan itu.



Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Mat. - Foto NSTP



- | TERKINI | PILIHAN PEMBACA   |
|---------|---|
| 3m      | 69.6 peratus populasi dewasa lengkap imunisasi COVID-19                 |
| 5m      | Logistik, kos jadi kekangan saringan berkala wajib kepada penjawat awam |
| 11m     | JPA sedia arah lebih ramai penjawat awam masuk pejabat                  |
| 14m     | Sijil vaksinasi palsu: Integriti pengamal perubatan jadi taruhan        |
| 14m     | 'Pembentukan Jemaah Menteri kuasa prerogatif Perdana Menteri'           |
| 19m     | Denmark mahu migran bekerja untuk faedah kebajikan                      |
| 22m     | Rumah untuk 8 beradik yatim piatu dibina segera                         |
| 26m     | 11 firma Malaysia disenarai antara syarikat terdakik Asia               |



- | VAKSIN | NASIONAL   |
|--------|--|
|        | 4 minit yang lepas<br>69.6 peratus populasi dewasa lengkap imunisasi COVID-19                |
|        | Sep 7, 2021 @ 1:37pm<br>'Mangsa COVID-19 belum dapat imuniti penuh vaksin'                   |
|        | Sep 7, 2021 @ 11:26am<br>101 gelandangan di Sarawak terima suntikan vaksin COVID-19          |
|        | Sep 7, 2021 @ 10:51am<br>Hampir 69 peratus populasi dewasa lengkap vaksinasi setakat semalam |
|        | Sep 7, 2021 @ 9:13am<br>Syor kaji punca kuasa berkaitan pemvaksinan                          |

"Bayangkan berapa kos terpaksa ditanggung kerajaan walaupun hanya satu peratus daripada 1.6 juta penjawat awam enggan divaksin tanpa alasan kesihatan? Kos berkenaan boleh digunakan bagi tujuan lain.

"Masyarakat juga akan melihat penjawat awam sebagai golongan leceh kerana berperangai sedemikian. Tidak wajar bagi golongan pelaksana dasar kerajaan untuk tidak mematuhi saranan pengambilan vaksin," katanya kepada BH.

Beliau mengulas cadangan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, untuk mewajibkan saringan berkala ke atas penjawat awam yang enggan divaksin tanpa alasan kesihatan.

Menyokong cadangan itu, Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia, Sukimin Juki, berkata kos saringan berkala hanya wajar ditanggung kerajaan jika individu terbabit enggan divaksin atas alasan kesihatan.

"Semua lapisan masyarakat bebas memilih sama ada mahu divaksin atau tidak, bergantung kepada idealogi masing-masing. Justeru, mereka juga perlu tahu kesan daripada setiap keputusan berkenaan.

"Jumlah golongan enggan divaksin ini mungkin sedikit tetapi mereka perlu fikir kesan tindakan mereka terhadap masyarakat sekelling, terutamanya dalam kalangan guru. Tindakan mereka menjejaskan kepercayaan ibu bapa dan penjaga," katanya.

Presiden Kesatuan Jururawat Malaysia (MNU), Nor Hayati Abd Rashid, berkata kos saringan berkala itu tidak wajar ditanggung kerajaan jika membabitkan jumlah kakitangan yang ramai.

"Perbelanjaan ini sepatutnya digunakan bagi tujuan lain yang lebih bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Kesatuan Kakitangan Perkhidmatan Tadbir dan Awam Pasukan Polis Semenanjung (PACSU), Mohd Zaki Mahmood, menyayarkan supaya kerajaan menggubal satu dasar membabitkan vaksinasi dan penjawat awam.

"Keadaan ini baharu bagi semua dan satu dasar perlu digubal untuk menyelesaikan isu ini, bagi mengelak sebarang manipulasi atau pertikaian di masa depan," katanya.



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 7:21am  
Sabah perlukan 2.67 juta dos vaksin

## TRENDING



KES 5 jam yang lepas  
Pembantu pegawai perubatan maut, pemandu ambulans parah



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 10:47pm  
Najib jumpa Perdana Menteri



NASIONAL Sep 7, 2021 @ 10:26pm  
Mahkamah Rayuan kekal keputusan tolak saman terhadap Fazura



Majikan cuti sakit, kerani keluarkan duit RM4 juta



LAIN-LAIN (SUKAN)  
Sep 7, 2021 @ 10:37am  
Ziyad tidak layak diberi ganjaran - Zolkries

## MYRESIPI



TIPS & PETUA 2 jam yang lepas